

Suami isteri terima ijazah serentak

SEREMBAN 16 Nov. - Biar pun berstatus suami isteri ketika masih menuntut, namun itu bukanlah satu tembok halangan buat mereka untuk mencapai kejayaan dalam pelajaran.

Hasilnya terbukti, apabila Abdullah Hafiz Othman, 24, bersama isterinya, Siti Norasyikin Abd. Ghani, 24, menamatkan pengajian mereka di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan menerima ijazah pada Majlis Konvokesyen USIM Ke-12 di sini hari ini.

Abdullah Hafiz dan Siti Norasyikin, masing-masing berasal dari Kelantan diijabkabulkan pada 5 Jun 2012 dan kini dikurniakan cahaya mata perempuan, Aulia Nafhah Abdullah berusia 11 bulan.

Abdullah Hafiz yang menerima Ijazah Sarjana Muda Kaunseling dengan kepujian berkata, kejayaan

yang dinikmati ketika ini turut diraikan oleh kedua-dua keluarga mereka dari Pasir Mas dan Jeli.

"Alhamdulillah, akhirnya kami berjaya menamatkan pengajian. Walaupun kami telah berkahwin pada usia agak muda tetapi itu tidak menghalang untuk menamatkan pengajian," katanya.

Berkongsi cerita sama, **Siti Norasyikin** yang menerima Ijazah Sarjana Muda Komunikasi memberitahu, pengalaman yang tidak dapat dilupakan adalah ketika melahirkan puteri sulungnya ketika masih belajar.

"Itulah pengalaman yang saya tidak dapat lupakan, mujurlah suami ada. Dia banyak membantu saya ketika belajar dan apa juga masalah kami akan berkongsi bersama-sama. jadi mudah diselesaikan," katanya.

Sementara itu, bagi **Norzama**

Mahadi, 35, dari Rawang, Selangor, Ijazah Sarjana Kaunseling Penyalahgunaan Dadah yang diterimanya adalah hadiah istimewa kepada ibunya yang datang berkerusi roda, Zainab Ahmad, 64.

Zainab berkerusi roda selepas terlibat dalam kemalangan digilis kereta api di Alor Setar ketika ingin berjumpa dengan salah seorang anaknya yang belajar di USIM pada tahun 2000, mengakibatkan kedua-dua kakinya terpaksa dipotong.

"Ibulah yang pembakar semangat buat saya. Walaupun keadaannya seperti itu, dia tidak patah semangat dan tetap menggalakkan anak-anaknya untuk berjaya. baginya pelajaran adalah penting.

"Jadi, hari ini saya amat gembira kerana dapat memberikan pulangan berupa segulung ijazah sarjana kepada ibu," katanya.



NORZAMA MAHADI mencium ibunya, Zainab Ahmad pada Majlis Konvokesyen USIM Ke-12 di Nilai, semalam.



ABDULLAH HAFIZ OSMAN mencium isterinya, Siti Norasyikin Abd. Ghani pada Majlis Konvokesyen USIM Ke-12 di Nilai, semalam.